


ZULKIPLI Asmawi memindahkan barang menggunakan kereta sorong akibat banjir yang melanda rumahnya.



BANJIR DI KUALA SELANGOR

TERBURUK 4 DEKAD

■ 302 penduduk terjejas akibat air laut pasang terpaksa dipindah

Oleh Ayusliza Azizan
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Kuala Selangor

“Sejak lebih 40 tahun menetap di kampung ini, ini banjir terburuk pernah kami hadapi dan ia ternyata dugaan terbesar kepada penduduk,” kata Abdul Saleh Mat Kahi, 60.

Abdul Saleh antara penduduk Kampung Parit Mahang, di sini, yang terjejas selepas rumahnya dinaiki air dan kini terpaksa ‘meningap’ di pusat pemindahan sementara di balai

raya, di sini, sementara menunggu banjir surut.

“Setiap tahun pasti berlaku banjir terutama pada musim hujan seperti ini, namun tidak seteruk tahun ini hingga saya dan sekeluarga terpaksa berpindah di pusat pemindahan.

“Air mula naik sejak malam tadi (kelmarin), sebelum ini hanya beberapa rumah lain terjejas dan paras air makin meningkat walaupun hari ini tidak hujan,” katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara, Balai Raya Kampung Parit

Mahang, di sini, semalam.

Beliau berkata, paras air yang semakin meningkat menyebabkan dia bersama keluarga terpaksa menyelamatkan barangan berharga dan dokumen peribadi, manakala ada pembuat yang terpaksa diabaikan.

Tinjauan Harian Metro di kawasan itu mendapati beberapa jalan keluar masuk ke kampung ini dinaiki air menyebabkan aktiviti penduduk kampung terjejas.

Difahamkan, banjir yang berlaku disebabkan keadaan air laut pasang yang

menyebabkan air hujan tidak dapat mengalir ke sungai dan laut.

Banjir setinggi 1.5 meter itu mengakibatkan beberapa rumah dimasuki air, malah turut kelihatan air sungai melimpah keluar memenuhi kawasan kediaman dan jalan raya.

Seorang lagi penduduk Nor Atikah Jamali, 24, berkata, dia bersama ayah dan adik berpindah ke pusat pemindahan selepas air mula memenuhi rumahnya di paras betis.

Menurutnya, dalam tempoh 24 tahun tinggal di kampung ini, difahamkan

banjir buruk seperti ini pernah berlaku pada 2008.

Katanya, banjir yang berlaku pada setiap tahun pada musim tengkujuh biasanya berlaku di kawasan ladang sawit berhampiran dan tidak menjejaskan rumah penduduk.

Kejadian itu menyebabkan 302 penduduk membabitkan 103 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Balai Raya Kampung Parit Mahang dan dibenarkan pulang selepas keadaan air surut.